



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

**5 FEBRUARI 2022**


---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 1,205 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 251,645 kes. Sebanyak empat (4) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu masing-masing satu (1) kes di daerah Sandakan, Kota Kinabalu, Kota Belud dan Tawau. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembah ialah 323 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 240,703 orang. Manakala 1,144 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 535 orang di hospital, 566 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan enam (6) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 25 orang merangkumi 22 di ICU/repurposed kritikal care serta tiga (3) di *open ward* (*HDW/kubikel akut*) dan enam (6) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat* (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 22 (25.29%).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Hijau satu (1) daerah.
- Zon Kuning tiga (3) daerah.
- Zon Jingga empat (4) daerah.
- Zon Merah 19 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes harian di Sabah melepassi paras 1,000 hari ini dengan 1,205 kes baharu. Ini merupakan pertambahan 296 kes berbanding semalam dan naik tiga kali ganda dalam masa tiga hari.
- b. Empat (4) daerah mencatatkan kes tiga (3) angka iaitu Sandakan 230 kes (+45), Kota Kinabalu 213 kes (+112), Penampang 113 kes (-2) kes dan Tuaran 113 kes (+27). Sebanyak 13 daerah mencatatkan kes harian dua (2) angka dengan jumlah yang tinggi dibeberapa daerah. Antaranya ialah Papar 84 kes (+48), Kota Marudu 74 kes (+21), Beaufort 62 kes (+5), Ranau 55 kes (+25), Lahad Datu 53 kes (-4), Tawau 52 kes (+21) dan Kota Belud 33 kes (+22). Hanya Kalabakan tidak merekodkan sebarang kes baharu.
- c. Adalah diperhatikan bahawa peratusan kes baharu yang berpunca daripada jangkitan sporadik adalah tinggi, 527 atau 43.7% hari ini. Statistik ini menunjukkan virus itu sudah bertapak dalam komuniti dan akan mengakibatkan kadar jangkitan yang lebih cepat dan meluas. Adalah dijangka jumlah kes harian akan terus melambung naik dalam tempoh terdekat. '*It will get worse before it gets better*'.
- d. Satu (1) lagi kluster baharu diumumkan hari ini. Kluster Kg Weston adalah kluster komuniti di Beaufort, berpunca daripada majlis perkahwinan yang dihadiri oleh ahli keluarga yang melibatkan lokaliti Kg Lubok dan Kg Menengah, Weston. Kes indeks merupakan seorang lelaki berumur 66 tahun telah disahkan positif melalui ujian PCR pada 3 Februari 2022 di Klinik Kesihatan Penampang kerana bergejala demam, batuk dan sakit badan sejak 30 Januari 2022. Hasil saringan kontak rapat, tiga (3) orang kontak serumah di kesan positif. Pesakit pernah menghadiri Majlis Perkahwinan di Kg Lubok dan Kg Menengah, Weston pada 29 dan 30 Januari 2022. Setakat ini jumlah kes yang berkait dengan kluster ini ialah 27 dan 22 dilaporkan pada hari ini. Semua pesakit telah diasangkan dan diberikan rawatan selanjutnya.

- e. Kerajaan Negeri Sabah telah pun memulakan program vaksinasi untuk kanak-kanak (umur 5 - 11 tahun) yang bermula pada 03 Februari 2022, dengan seramai 30 kanak-kanak menjadi perintis kepada program ini. Dua (2) dos suntikan akan diberikan kepada kanak-kanak dengan jarak suntikan 8 minggu. Dos suntikan bagi kanak-kanak ialah 10 Mcg iaitu satu-pertiga daripada dos suntikan untuk dewasa.
- f. Sejumlah 1,198 daripada 1,205 kes hari ini adalah dalam Kategori 1 dan 2. Terdapat tiga (3) kes dalam Kategori 3, satu (1) kes dalam Kategori 4 dan tiga (3) kes dalam Kategori 5.
- g. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (549) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

## ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	78	6.47%
2	Kontak	549	45.56%
3	Bergejala	527	43.73%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	51	4.23%
<b>JUMLAH</b>		<b>1,205</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (4 Februari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 4/02/2022	Catatan Kes 5/02/2022	Perbandingan
1	Kota Kinabalu	101	213	+112
2	Papar	36	84	+48
3	Sandakan	185	230	+45
4	Tuaran	86	113	+27
5	Ranau	30	55	+25
6	Kota Belud	11	33	+22
7	Kota Marudu	53	74	+21
8	Tawau	31	52	+21
3	Kunak	9	17	+8
10	Sipitang	5	11	+6
11	Telupid	2	8	+6
12	Beaufort	57	62	+5
13	Nabawan	0	3	+3
14	Keningau	10	12	+2
15	Putatan	22	23	+1
16	Tongod	0	1	+1
17	Pitas	0	1	+1
18	Kalabakan	0	0	Mendatar
19	Beluran	16	4	-12
20	Kuala Penyu	24	14	-10
21	Kinabatangan	16	6	-10
22	Tambunan	10	1	-9
23	Semporna	16	10	-6
24	Lahad Datu	57	53	-4
25	Tenom	6	3	-3
26	Penampang	115	113	-2
27	Kudat	11	9	-2
<b>JUMLAH</b>		<b>909</b>	<b>1,205</b>	<b>+296</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Sandakan	9	115	102	0	4	230	1,098
Kota Kinabalu	1	97	102	0	13	213	972
Penampang	1	53	54	0	5	113	610
Tuaran	0	71	40	0	2	113	654
Papar	1	56	25	0	2	84	307
Kota Marudu	22	33	14	0	5	74	326
Beaufort	21	7	33	0	1	62	351
Ranau	14	3	35	0	3	55	256
Lahad Datu	1	17	33	0	2	53	211
Tawau	8	27	12	0	5	52	341
Kota Belud	0	21	12	0	0	33	164
Putatan	0	6	16	0	1	23	203
Kunak	0	13	4	0	0	17	57
Kuala Penyu	0	9	5	0	0	14	73
Keningau	0	1	10	0	1	12	82
Sipitang	0	7	4	0	0	11	28
Semporna	0	0	6	0	4	10	57
Kudat	0	6	0	0	3	9	54
Telupid	0	4	4	0	0	8	34
Kinabatangan	0	0	6	0	0	6	60
Beluran	0	0	4	0	0	4	35
Tenom	0	1	2	0	0	3	43
Nabawan	0	0	3	0	0	3	6
Tambunan	0	1	0	0	0	1	37
Pitas	0	0	1	0	0	1	12
Tongod	0	1	0	0	0	1	3
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>78</b>	<b>549</b>	<b>527</b>	<b>0</b>	<b>51</b>	<b>1,205</b>	<b>6,074</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kota Kinabalu	Kluster Lorong Api-API	1
Penampang	Kluster Kg Weston	1
Ranau	Klsuter Jalan Pendidikan Ranau	14
Lahad Datu	Kluster Jalan Terusan	1
Kota Marudu	Kluster Jalan Teritipan	22
Papar	Kluster Persiaran Palma	1
Beaufort	Kluster Kg Weston	21
Tawau	Kluster Jalan Sri Balung	8
Sandakan	Kluster Sungai Batang Batu Sepuluh	6
	Kluster Jalan Pertukangan	3
<b>Jumlah</b>		<b>78</b>

6 Terdapat **satu (1) kluster baharu** direkodkan hari ini.

**Kluster Kg Weston - Beaufort** merupakan kluster jenis komuniti yang melibatkan daerah Beaufort dan Penampang. Kluster ini dikesan apabila kes indeks, lelaki tempatan, 66, yang bergejala demam, batuk dan sakit badan sejak 30 Januari 2022., disahkan positif PCR pada 03 Februari 2022 melalui saringan bergejala di Klinik Kesihatan Penampang. Saringan terhadap 37 kontak rapat mendapati tiga (3) kes kontak serumah dikesan positif. Hasil penelitian, terdapat kaitan epidemiologi iaitu sejarah menghadiri majlis perkahwinan di Kg Lubok dan Kg Menengah Weston masing-masing pada 29 Januari 2022 dan 30 Januari 2022. Jumlah kumulatif bagi kluster ini adalah 27 kes termasuk 22 kes baharu yang dilaporkan pada hari ini. Semua kes telah diasingkan dan diberikan rawatan selanjutnya.

- 7 Jumlah kapasiti katil 3,786 unit
- Hospital 1,217 unit.
  - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,379 unit.
  - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
  - Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 30.22%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 5 FEBRUARI 2022

### i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	1,200
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	5
<b>Jumlah</b>	<b>1,205</b>

### ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	1167
Bukan Malaysia	38
<b>Jumlah</b>	<b>1,205</b>

### iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	61
Belum Menerima Vaksin (5-11)	112
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	102
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	701
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	229
<b>Jumlah</b>	<b>1,205</b>

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	8
1 to 5	53
6 to 11	112
12 to 17	120
18 to 25	187
26 to 59	622
>60	103
<b>Jumlah</b>	<b>1,205</b>

**C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 04 Februari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 2,818. Daripada jumlah ini, seramai 2,583 orang adalah penduduk dewasa, 54 orang adalah penduduk remaja 181 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 04 Februari 2022 adalah seramai 2,454,764 orang. Ini meliputi 2,117,184 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.75% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,410,687 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,097,672 orang atau 76.05% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 337,369 orang atau 77.73% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 313,015 atau 72.12% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 211 atau 0.05% orang telah menerima 1 dos vaksin.

**D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **680,074** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

**E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS**

- 1 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 175 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 44 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
  - i Sebanyak 865 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
  - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 608 premis perniagaan dan 6,619 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 281 Premis Perniagaan melibatkan 120 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 4 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan tiga (3) anggota di tiga (3) lokasi.
- 5 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di lima (5) premis, melibatkan lima (5) buah BBP pada hari ini.
- 6 Sejumlah 71 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tiga (3) daerah pada hari ini.
- 7 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 92 hebahan di seluruh Sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **97.9%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Beluran	98.2%
2	Kunak	98.1%
3	Semporna	98.1%
4	Sipitang	98.1%
5	Keningau	98.1%
6	Kota Belud	98.1%
7	Kudat	98%
8	Kinabatangan	98%
9	Ranau	98%
10	Kota Kinabalu	97.8%
11	Tenom	97.8%
12	Beaufort	97.8%
13	Kota Marudu	97.7%
14	Tuaran	97.7%
15	Tawau	97.7%
16	Papar	97.7%
17	Lahad Datu	97.6%
18	Sandakan	97.6%
19	Penampang	97.6%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#KeluargaMalaysia**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**